

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

TEL: 2939011

Bil: (3) dlm. JK/MA 16 Jld. II
Tarikh: 3hb November 1990

Semua Hakim Mahkamah Sesyen,

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi

Semua Majistret, Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak.

Semua Pendaftar, Mahkamah Rendah.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR NO: 10/90

Persidangan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya 1990

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa satu Persidangan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya 1990 akan diadakan dari 3hb hingga 5hb Disember, 1990 di Kuala Lumpur.

2. Berikutnya, saya telah diarah oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa semua kes-kes yang dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya dan telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 3hb, 4hb dan 5hb Disember, 1990 hendaklah ditangguhkan kepada tarikh yang lain.

3. Penolong Kanan Pendaftar hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Y.A. Hakim masing-masing.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara,
Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.